

## (15) PERISYTIHARAN

### JARINGAN MAHASIWA PSU PATTANI UNTUK KEDAMAIAN

PELAKSANAAN PROJEK KUASA ELEKTRIK DAN PELABUHAN KAPAL PENGANGKUTAN BATU ARANG DI TEBA, SONGKLA PIHAK KERAJAAN DAN PEJABAT ELEKTRIK TIDAK MENGAMBIL BERAT TENTANG IMPAK DAN KEMAHUAN RAKYAT YANG SEBENAR. PROJEK TERSEBUT MEMPUNYAI KUASA DALAM MEMPROSESKAN 2,200 MEGAWATT DAN MENGGUNA KAWASAN SELUAS 2960 RAI. DAN PROJEK INI AKAN MEMBAKAR ARANG BATU 23 JUTA KILOGRAM SEHARI. DAN AKAN GUNA AIR LAUT UNTUK PEMOROSAN SEBANYAK 9 JUTA M3. TETAPI PROSES PEMERIKSAAN IMPAK TERHADAP ALAM SEKITAR ATAU EHIA DI KAJI DALAM SEKITAR 5 KILOMETER SAHAJA DARIPADA TEMPAT LETAK KILANG. SEDANGKAN JARAK JAUH TEPAT LETAK KILANG DENGAN SEMPADAN PATTANI HANYA 2-3 KILOMETER SAHAJA. DAN KAWASAN TERSEBUT MASIH ADA HUTANG BAKAU SELUAS 10,000 RAI YANG MELIPUTI KAWASAN DAERAH TEPA SEHINGGA DAERAH PANAREK WILAYAH PATTANI. TETAPI IA DIABAIKAN DAN TIDAK DIMASUKAN DALAM KAWASAN KAJIAN IMPAK TERHADAP ALAM SEKITAR. DAN CARA YANG DIGUNAKAN DALAM PENTAS UNTUK MENDENGAR SUARA DARIPADA PENDUDUK YANG DILAKUKAN TIGA KALI DIJALANKAN SECARA PAKSA DAN MEMBERI FAEDAH KEPADA PENDUDUK YANG DIBERI OLEH PEMODAL DENGAN CARA TIPU DAYA. SERTA MAKLUMAT YANG SAMPAIKAN KEPADA PENDUDUK TIDAK JELAS HANYA BERCAKAP BIDANG YANG POSITIF SAHAJA. TETAPI TIDAK MEMBERI MAKLUMAT BAHAYA DARIPADA KUASA ELEKTRIK BATU ARANG. TERDAPAT BEBERAPA KAJIAN YANG MENEGASKAN BAHAWA IA AKAN MENJEJASKAN CARA HIDUP RAKYAT TEMPATAN YANG MEMPUNYAI CARA HIDUP DAN BUDAYA YANG BERKAITAN DENGAN KEHIDUPAN NELAYAN. DI BANDINGKAN LAUT SEBAGAI PERUYOK NASI TEMPAT MENGAUT REZKI BAGI PENDUDUK PATANI DAN PENDUDUK SELATAN. LAUT JUGA ADALAH SUMBER REZKI UTAMA OLEH NENEK MOYANG SEJAAK TURUN TEMURUN LAGI.

APABILA SATU KETIKA TEMPAT CARI REZKI DAN PERUYOK MANAKAN RAKYAT DI PUKUL DI KHIANATI IAITU MENDAPAT KESAN BURUK DARIPADA PROJEK PEMBANGUNAN KERAJAAN. MAKA SAAT ITULAH MASA YANG PENDUDUK PATANI MERASI MEREKA DITINDAS. DAN IA MENJADI SYARAT BARU KEPADA KUMPULAN YANG BERBEZA PANDANGAN DENGAN KERAJAAN. DAN IA AKAN MENJEJASKAN PROJEK YANG AKAN DILAKSANAKAN OLEH PIHAK KERAJAAN YANG BERUSAHA MEMBINA SUASANA KEDAMAIAN SUPAYA LAHIR RUNDINGAN DAMAI TANPA ADA HALANGAN DAN RINTANGAN.

PENJAGAAN DAN PENYELESAIAN MASALAH KEHIDUPAN HARIAN DAN PENCARIAN PENDAPATAN RAKYAT DIABAIKAN OLEH KERAJAAN. DISEBABKAN CARA ATAU PROSES YANG AKAN MEMBAWA KEPADA KEDAMAIAN MASALAH PENDAPATAN RAKYAT MESTI DIDAHULUKAN DAN DAPAT DISELESAIKAN SEBAGAI ASAS UTAMA SUPAYA PENDUDUK MEMPUNYAI KUALITI HIDUP YANG BAIK , BOLEH Mencari rezki dan menjaga jati diri dan budaya tempatan kekal bersama mereka seperti nenek moyang mereka menjaganya sampai ke anak cucu.

ATAS NAMA JARINGAN MAHASISWA PSU PATTANI KAMI MENUNTUT SEMUA PIHAK DAN ORGANISASI MENYEDARI AKAN KESAN DAN IMPAK. DAN SAMA-SAMA MENCEGAH KEMUSNAHAN YANG AKAN BERLAKU DARIPADA PROJEK KILANG KUASA ELEKTRIK BATU ARANG TEPA. SUPAYA IA TIDAK MENJEJASKAN SUASANA PEMBINAAN KEDAMAIAN DALAM KAWASAN. DAN MERAYU KEPADA SEMUA PENDUDUK WILAYAH SELATAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN TERHADAP MEMPERTIMBANGKAN PROJEK KERAJAAN DENGAN SEPENUHNYA.

KEDAMAIAN SELATAN BUKAN HANYA BERERTI IA TANPA KEGANASAN SAHAJA. TETAPI MESTI JAUH DAN TIADA GANGGUAN DARIPADA PENCEMARAN UDARA, TANPA RASUAH YANG TIDAK ADIL. TIADA PENGKHIANATAN KEHIDUPAN DAN SUMBER MASYARAKAT. NAMUN KEDAMAIAN HANYA SATU MIMPI DAN WACANA SAHAJA. KEDAMAIAN SELATAN MESTI BERJALAN SEPADU DENGAN MEMBERHENTIKAN BAHAYA DARIPADA KUASA ELEKTRIK BATU ARANG DAN PROJEK PEMBANGUNAN LAIN-LAIN YANG MENJADI BAHAYA ANCAMAN TERHADAP ALAM SEKITAR DAN CARA HIDUP TEMPATAN . BARULA KEDAMAIAN HAKIKI AKAN LAHIR DI SELATAN.

“FAEDAH RAKAN MANUSIA ADALAH MISI PERTAMA DAN FAEDAH DIRI SENDIRI ADALAH MISI KEDUA”

